

7 keutamaan RMKE-12 pulih semula ekonomi

Perancangan tepati keperluan negara, ambil kira kehendak semasa, akan datang

Berita Harian · 2 Mar 2021 · 3 · Oleh Fahmy A Rosli fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tujuh keutamaan yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKE-12) bertepatan dengan apa yang diperlukan Malaysia dengan mengambil kira kehendak dan keperluan semasa serta akan datang.



Keutamaan berkenaan disusun supaya negara kembali pulih daripada kemelesetan ekonomi susulan penularan COVID-19, sekali gus meletakkan negara di landasan pembangunan jangka panjang.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata RMKE-12 adalah wawasan atau hala tuju yang dinantikan semua semua pihak termasuk pelabur asing dan tempatan, syarikat multinasional serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk berkembang bersama ekonomi Malaysia.

“Semua keutamaan itu harus dilaksanakan untuk mencapai hasrat jangka panjang Malaysia. Isu belanjawan dan pelaksanaan harus dipercepatkan kerana ia menentukan perkembangan Malaysia, bukan sahaja dari aspek ekonomi malah sosial, kesihatan dan politik yang saling berkait serta memerlukan pelaksanaan yang tepat dan jitu.

“Keutamaan ditekankan dalam RMKE-12 mengambil kira semua faktor utama, terutama keadaan dialami negara sekarang.

“Mengalihkan industri negara ke sektor berteknologi tinggi daripada berlandaskan faktor buruh murah memerlukan komitmen dan kekuatan politik jitu kerana ia memberi impak besar seperti pengambilan pekerja asing dan masalah sosial,” katanya kepada BH, semalam.

Aimi Zulhazmi mengesyorkan ekosistem untuk ekonomi digital negara diwujudkan, bukan sahaja bagi menggalakkan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dipacu secara dalam talian tetapi juga kerana tidak mahu terlalu bergantung kepada penyedia platform e-dagang dominan.

Beliau berkata, ekosistem sedemikian harus mencakupi sektor logistik seperti penghantaran kurier, pengangkutan dan gudang yang menjadi penyokong kejayaan platform e-dagang.

“Ini semua menjadikan ekosistem yang penting untuk dikuasai oleh syarikat tempatan kerana jika tidak, ia dikuasai firma multinasional luar yang mengambil keuntungan perkembangan ini dan mengutip data rakyat Malaysia tanpa kita sedari,” katanya. Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Datuk Dr A T Kumararajah, berkata pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai tujuh keutamaan dalam RMKE-12 adalah usaha murni kerajaan ke arah memperkasa negara yang terkesan dengan krisis kesihatan global.

Untuk memastikan pelan itu dapat dilaksanakan, beliau menggesa semua pihak bersatu padu dengan menyokong segala usaha kerajaan membangunkan negara dalam tempoh sukar.

“Pihak kerajaan dan swasta perlu berganding bahu menuju ke hadapan dalam tempoh pasca COVID-19 kerana tanpa kerjasama, kita tidak akan mencapai sasaran ditetapkan.

“Kerajaan perlu memberi perhatian dan penekanan terhadap isu atau maklumat disalurkan sektor swasta dalam membuat sebarang keputusan berhubung ekonomi dan sosial,” katanya.

Keutamaan ditekankan dalam RMKE-12 mengambil kira semua faktor utama, terutama keadaan dialami negara sekarang.

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Business School